

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Walaupun Negara Brunei merupakan sebuah negara yang kecil dari segi keluasan geografi dan kuantiti penduduknya namun Brunei juga mempunyai keistimewaan dan kepentingan dalam pengumpulan dan penulisan karya sastera. Karya sastera yang dimaksudkan sama ada di bidang prosa mahupun puisi dalam bentuk sastera tradisional mahupun dalam bentuk sastera moden. Justeru itu kesusasteraan Brunei merupakan khazanah yang tidak terpisah dalam konteks kesusasteraan Melayu Nusantara.

Keistimewaan dan kepentingan itu meliputi aspek-aspek kewujudan, perkembangan dan sumbangannya dalam arena perkembangan sastera dan sosio-budaya serantau. Kewujudan dan perkembangan kesusasteraan Melayu Brunei sebenarnya sudah bermula beberapa abad yang lampau terutama setelah kedatangan dan tersebarinya agama Islam

ke Brunei (menurut Aziz Juned bahawa kedatangan Islam itu lebih awal daripada T.M. 1368).¹

Kewujudan dan perkembangan karya sastera Brunei dapat dibuktikan melalui tinggalan khazanahnya sama ada dari 'Sastera Tuturan' (*Oral Tradition*) yang disebut juga 'Sastera Rakyat' atau 'Sastera Warisan'² mahupun khazanah tulisan yang masih tersimpan di dalam koleksi-koleksi manuskrip dan naskhah-naskhah lama. Sejauh yang diketahui tidak kurang daripada 300 buah naskhah yang terdiri daripada 100 judul yang terdapat di beberapa institusi terbesar di NBD.³ Mungkin dewasa ini jumlah tersebut telah bertambah terutama manuskrip dan naskhah-naskhah yang masih dimiliki oleh orang perseorangan. Institusi-institusi yang dimaksudkan itu ialah Muzium, Dewan Bahasa

1. Aziz Juned, Islam Di Brunei, Jilid 1, BSB, NBD: Pusat Sejarah, 1992, hal. xxiv.

2. Muhammad Abdul Latif, Suatu Pengenalan Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei, BSB, NBD: DBP., 1985, hal. 10

3. Harun Mat Piah dan Ismail Hamid, "Koleksi Manuskrip-Manuskrip Melayu di Brunei: Batu Maklumat Awal", Sari, Bangi, Selangor: UKM., 1983. Di halaman 104 - 105 menyebut koleksi DBP., 135 dalam 35 - 40 judul dan Muzium Brunei 110 dalam 70 - 75 judul, tidak termasuk naskhah tanpa judul.

dan Pustaka Brunei, Pusat Sejarah, Pusat Dakwah Islamiah dan Universiti Brunei Darussalam.

Sastera Tuturan atau Sastera Rakyat Brunei merupakan sastera yang terawal yang terkenal dengan cerita-cerita asal usul, cerita-cerita binatang atau mergastua, kisah-kisah yang berunsurkan metos dan legenda, cerita-cerita jenaka, cerita-cerita diangdangan⁴ (penglipurlara) dan cerita-cerita kepercayaan (animisme).

Di antara cerita-cerita asal usul yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu Brunei adalah kisah asal usul Sungai Si Amas, asal usul Bukit Marikan, Pangkalan Si Babau dll. Cerita binatang seperti cerita Ulun-ulun Takuyung, Dang Ayang Dengan Buaya dll. Mengenai cerita cerita metos dan legenda pula terkenal dengan kisah Nakhoda Manis, Awang Si Untak dll. Bagi cerita-cerita jenaka pula terkenal dengan cerita Si Aloi dan Pak Salot. Cerita penglipur lara pula terkenal dengan cerita Diangdangan seperti Diangdangan Bujang Si Gandam, Awang

4. 'Diang' ertiinya memanaskan badan dan 'dangan' ertiinya kawan.

Si Kanak dll. Cerita-cerita kepercayaan pula seperti cerita-cerita Mandau, Kalindahau⁵ dll. Sementara di bahagian puisi sastera tradisi terkenal dengan pantun, jampi dan mantera, lagu kanak-kanak, puisi-puisi sukuan dll.

Di antara koleksi-koleksi manuskrip dan naskhah pula ada yang membicarakan tentang pengajian Islam, naratif dan kisah-kisah, sastera yang berunsur sejarah dan historiografi, judul-judul lain dan puluhan naskhah tanpa judul. Contoh koleksi dalam Pengajian Islam seperti Kitab-Kitab Ilmu Fiqah, Tauhid, Ilmu Tasawuf, Ilmu Faraid, Ilmu Saraf dan Nahu, Sirat al-Mustaqim, Kasyf al-Ghimmah, Rahsia Ilmu, Kaifiyat Salawat, Fadilah Sembahyang dan lain-lain. Bahan-bahan berupa cerita, atau naratif pula seperti Dang Pandan Larangan, Dayang Emas, Dang Rukam, Cerita Tuan Pemagat, Khalifah Muda, Hikayat Raja Atrif, Cerita Syah Nobat dan lain-lain. Sementara sastera yang berunsur sejarah atau historiografi terdiri daripada syair-syair seperti Syair Awang Semaun dan lain-lain.

5. Muhammad Abdul Latif, op. cit., hal. 10-20.

Judul-judul lain seperti Kanun Brunei, Ilmu Hulubalanq dll.⁶

Kewujudan dan perkembangan sastera Brunei dikukuhkan lagi oleh pendapat Antonio Pigafetta yang sampai ke Brunei pada 15 Julai 1521 kerana mengikut ekspedisi Ferdinand Magellan. Dalam Magellan's Voyage, Pigafetta mencatatkan bahawa pada masa itu sudah ada di antara penduduk Brunei yang tahu membaca dan menulis.⁷ Dengan kenyataan tersebut, Abdullah Hussain berpendapat:

"...sebagai sebuah negara yang sudah mempunyai tradisi sastera maka sudah kedapatan sastera Hindu yang ditulis di dalam bahasa Melayu tulisan jawi iaitu apabila rakyat Brunei menganut agama Islam. Ini dapat dikesani melalui Hikayat Seri Rama dan Maharaja Rawana yang terdapat dalam sastera lama Brunei. Kemudian terdapat kitab-kitab agama yang berkaitan dengan agama Islam, yang ditulis oleh penulis yang

6. Dipetik dan disesuaikan daripada pendapat Harun Mat Piah, "Kesusasteraan Brunei Dari Perspektif Pengarang Dan Kepengarangan: Dengan penumpuan Kepada Pengiran Mohamad Salleh Dan Karyanya Syair Rakis, Kertas Kerja di Seminar Antara Bangsa Kesusasteraan Melayu 11, KL: UKM & DBP., 2 - 5 September. 1991, hal. 2 - 3.

7. Abdullah Hussain, "Perkembangan Sastera Di Negara Brunei Darussalam: Pandangan Sepintas Lalu", Bahana, BSB., NBD: DBP., Julai 1987, hal. 34.

tidak mahu menyebutkan namanya ataupun diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu seperti Kitab Berzanji, Syair Rasi Jodoh, Syair Nasihat, Syair Raja Jumjumah dll.⁸

Pandangan dan bukti-bukti tersebut, jelas menunjukkan bahawa Brunei telah wujud sebagai pusat pengumpulan dan penyalinan naskhah-naskhah Melayu termasuk syair yang sejajar dengan zaman penulisan di daerah-daerah lain di Nusantara seperti Melaka, Betawi (Jakarta), Aceh, Riau dan Palembang.

Begitu juga 'keistimewaan' Brunei dari aspek pengarang. Selain daripada jumlah puluhan penulis yang bergiat dalam pelbagai genre sastera sama ada yang bercorak tradisi maupun moden, ia juga diwarnai oleh para tokoh di kalangan elita dan bangsawan (Sultan dan kerabat). Pengarang-pengarang tradisi sudah menjadi kebiasaan tidak mencatat nama pada hasil karya mereka. Di arena penulisan moden nama-nama yang sering terserlah sebagai pemenang di dalam beberapa peraduan novel, cerpen

8. Ibid., hal.34.

dan puisi ialah Muslim Burmat, Mohd. Salleh Abdul Latif, Norsiah Gafar, Chong Ah Fok, Tarif Haji Abdul Hamid, Berahim A.H.T., H. Mar, Mussidi dan Ak. Aji Pg. Tahir.

Di kalangan tokoh atau golongan elita yang banyak menyumbangkan pelbagai genre penulisan termasuk sastera, esei dan kritikan ialah Adi Rumi (Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned), Badaruddin H.O (Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman), Wijaya atau Jamil Umar (Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil al-Sufri), H.M. Saleh (Yang Dimuliakan Pehin Orang kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Saleh bin Masri), Shukri Zain (Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin), Yahya M.S. (Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Yahya bin Haji Awang Ibrahim), Yura Halim (Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul

Rahim)⁹ dan Sekunar Hayat atau Guru Muda¹⁰ (Pengiran Dato Paduka Haji Hidup bin Pengiran Haji Hashim). Mereka bukan sahaja penulis sastera yang kreatif, baik dulu maupun sekarang malah mereka aktif dalam pelbagai bidang sosial, budaya dan pentadbiran.

Keistimewaan yang paling unggul ialah keterlibatan di kalangan kerabat dan sultan sendiri dalam memberi sumbangan di arena kesusasteraan. Kalau pada zaman kesultanan Riau golongan bangsawan merupakan penyumbang terbesar dalam perkembangan sastera seperti Raja 'Ali Haji, Raja Ahmad, Raja Haji Abdullah, Raja 'Ali Kelana, Raja Aisyah Sulaiman, Yang Dipertuan Muda Abdullah dan Yang Dipertuan Muda Raja 'Ali,¹¹ maka di NBD dua orang tokoh istana telah memberi sumbangan yang penuh bererti

9. Harun, op. cit., hal. 4.

10. Nama samaran ini diakui sendiri oleh Pengiran Dato semasa temubual pengkaji dengan beliau tetapi di dalam buku Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei yang diselenggarakan bersama oleh Abdullah Hussain dan Muslim Burmat, BSB., NBD: DBP., 1984, hal. xiv., menyatakan nama samaran tersebut adalah Yura Halim(Pg. Hj. Mohd. Yusof bin Pg. Hj. Abdul Rahim).

11. Lihat Abu Hassan Sham, "Pengarang-Pengarang Dari Kalangan Bangsawan Keturunan Bugis Di Riau", dalam Siti Hawa Hajji Salleh(peny.), Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional, KL: DBP., hal. 178 - 212.

kepada negara. Mereka ialah Pengiran Mohamad Salleh (bergelar Pengiran Indera Mahkota dan Pengiran Syahbandar) dan pengarang yang sekali gus memegang tumpuk pemerintahan NBD iaitu Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien ke - 111 Sultan Brunei ke - 28 (1950 - 1967)¹² yang termasyhur dengan nama penanya Muda Omar 'Ali Saifuddien.¹³

Kedua-dua tokoh atau pengarang istana ini telah menumpukan dan meminati genre syair kerana pada zaman mereka (1840-an dan 1960-an) syair merupakan karya sastera yang cukup popular dan kuat pengaruhnya dalam perkembangan kesusastraan Melayu Brunei. Kekuatan ini bukan sahaja disebabkan syair dapat memberi kemanfaatan dan hiburan kepada rakyat seperti kisah di dalam Syair Awang Semaun

12. Sila lihat rajah pada lampiran 1 tentang salasilah Sultan-Sultan Brunei terbitan Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, NBD, 1990 atau lihat juga William L.S Barrett, Brunei And Nusantara History In Coinage, NBD: Pusat Sejarah, 1988, hal. 19.

13. Nama pena ini atau baginda dan Almarhum* akan digunakan sepanjang penulisan kajian ini.

* Catatan: Menurut buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, KL: DBP., 1982, ejaan 'almarhum' yang digunakan (huruf kecil [a] dipermulaan kata) tetapi penggunaan di Brunei adalah dimulai dengan huruf besar A (Almarhum).

malahan juga syair dapat mewakili era perubahan atau pembaharuan ke arah kehidupan moden seperti yang terdapat di dalam Syair Rakis karangan Pengiran Mohamad Salleh. Bagi Muda Omar 'Ali Saifuddien pula syair merupakan saluran penyampaian dan pemberian nasihat, pengajaran, didikan etika, moral dan akhlak demi kesempurnaan khalayak NBD. Justeru itu, dalam penulisan-penulisan baginda terserlah pemikiran-pemikiran yang menjurus ke arah keislaman demi kesempurnaan insan.

Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba menggambarkan kedudukan Syair-Syair Melayu Brunei sebagai latar belakang (bab 11), Syair-Syair Muda Omar 'Ali Saifuddien (bab 111) dan analisis dari aspek Estetika Dalaman dan Estetika Luaran Syair Kenangan (bab 1V).

1.2 Latar Belakang Masalah

Ada berbagai-bagai cara orang-orang arif dan bijaksana mengekspresikan hasil pemikiran mereka, misalnya dalam bentuk prosa dan puisi atau syair. Ajaran ajaran yang berunsurkan falsafah sama ada mengenai

ketuhanan dan kenabian pernah ditonjolkan dalam bentuk-bentuk tersebut.

Menurut pengamatan pengkaji secara sepintas lalu, ada kecenderungan masyarakat terutama masyarakat moden kurang meminati karya-karya sastera orang-orang pada zaman silam yang terkandung dalam prosa dan syair-syair lama. Pada hal dalam karya sastera klasik itu terdapat idea-idea dan ilmu pengetahuan yang masih relevan hingga kini dan akan datang. Fenomena ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana akan banyak hasil pemikiran yang bermakna dan positif dari para cendekiawan kita yang terdahulu terpendam atau tersimpan dalam pustaka atau muzium tanpa memberi makna kepada bangsa, terutama pada generasi muda kini dan akan datang.

Dalam khazanah sastera Melayu Brunei terdapat prosa dan syair yang diciptakan oleh tokoh-tokoh masyarakat dan para penyair yang pada akhir-akhir ini ada di antaranya telah diangkat sebagai bahan kajian dalam seminar-seminar atau tulisan-tulisan, namun belum banyak dijadikan bahan kajian yang serius dan mendalam. Salah

satu karya sastera Melayu Brunei yang patut diteliti adalah syair-syair ciptaan Muda Omar 'Ali Saifuddien yang di dalamnya terdapat butiran yang cukup bernalas dan bermanfaat. Hasil karya baginda ini belum banyak diungkayahkan (diusahakan) penganalisisan tentang pemikiran-pemikiran yang terkandung di dalamnya. Justeru itu, pengkaji cuba melakukan kajian terhadap salah satu syair ciptaan Muda Omar 'Ali Saifuddien iaitu Syair Kenangan.¹⁴ Di dalam syair ini pada pendapat pengkaji terkandung pemikiran-pemikiran yang perlu dimanfaatkan demi kecemerlangan dan kejayaan bangsa dan Negara Brunei Darussalam kini dan akan datang.

¹⁴Dalam menghadapi kajian ini, pengkaji mendapati beberapa kesukaran iaitu kesukaran memperoleh teks asalnya, kesukaran membaca salinan xerox yang tidak jelas serta mengandungi kesilapan-kesilapan cetak dan kata-kata yang jarang dipakai serta tidak ada dalam kamus, kesukaran transliterasi jawi-rumi dan kesukaran menukar versi standard kepada versi lisan menurut sebutan dialek Brunei.

1.3 Objektif Dan Manfaat Kajian

1.3.1 Objektif

Muda Omar 'Ali Saifuddien hidup pada satu zaman yang masyarakat Brunei sebahagian besarnya masih buta huruf. Oleh itu apa jua perutusan atau mesej yang disebarluaskan melalui media persuratan hanya dapat diikuti oleh sebilangan kecil ahli masyarakat yang sudah kenal huruf. Dalam situasi demikian, pembacaan (dan pendendangan) syair menjadi salah satu media lisan paling popular di kalangan masyarakat Brunei, bahkan ini masih hidup segar hingga ke hari ini. Sekadar untuk maklumat beberapa genre sastera lisan yang lain turut mengisi ruang yang sama iaitu Diangdangan, satu bentuk Penglipur Lara dan Badundang (Berdondang), satu bentuk berbalas pantun.

Sekurang-kurangnya ada tiga genre sastera lisan yang masih hidup segar dan berfungsi dalam kehidupan masyarakat Melayu Brunei hingga hari ini; pertama, Diangdangan, kedua, Badundang dan ketiga Bersyair, iaitu mendendangkan syair. Syair didendangkan dengan beraneka irama (melodi). Menyedari situasi ini dapatlah diuga mengapa Muda Omar 'Ali Saifuddien memilih untuk berkarya dalam bentuk syair; iaitu kerana dalam situasi sedemikian tidak dapat tidak karyanya akan tersebar dengan lebih luas, perutusan dan wawasannya akan sampai kepada kumpulan sasarannya dengan lebih berkesan.

Berdasarkan kerangka pemikiran inilah pengkaji menjalankan kajian terhadap Syair Kenangan bagi mencapai objektif-objektif yang berikut:

1. Menurunkan (mentransliterasikan) dan mengedit Syair Kenangan daripada edisi jawi kepada edisi rumi, untuk dimanfaatkan oleh kalangan yang tidak menguasai persuratan jawi.
2. Mengetengahkan sebahagian ciri-ciri dialek Melayu Brunei dengan kekayaannya yang masih belum dibongkar.
3. Mengungkapkan bahawa Muda Omar 'Ali Saifuddien bukan hanya seorang raja tetapi juga seorang seniman.
4. Memperkenalkan lebih jauh tanggapan Muda Omar 'Ali Saifuddien khususnya dalam Syair Kenangan tentang masyarakat Brunei secara mikro dan makro serta wawasannya untuk masa hadapan.
5. Menggolongkan Syair Kenangan sebagai sastera yang berunsur Islam.
6. Mengkategorikan Syair Kenangan sebagai sebuah karya seni sastera yang baik dan bermutu.

1.3.2 Manfaat

Kajian ini diharapkan:-

- 1.** Agar generasi muda lebih peka dan mengenali syair yang dikatakan genre yang selama ini dianggap sudah lapuk, ketinggalan zaman dan statik, walhal ia mampu menjadi wadah bagi pemikiran masa kini yang bersifat progresif.
- 2.** Ada penelitian yang berterusan dan serius terhadap syair sebagai salah satu khazanah negara serta menyelami pemikiran yang termuat di dalamnya untuk meningkatkan kualiti daya fikir bangsa Melayu Brunei dalam menghadapi masa akan datang.
- 3.** Agar masyarakat mengenali karya-karya baginda yang lain.
- 4.** Dapat menambahkan khazanah negara di bidang kesusastraan Melayu tradisional Brunei.

1.4 Bahan Kajian

Dalam menyempurnakan kajian ini, Syair Kenangan¹⁵ diperolehi secara salinan (xerox) daripada Pusat Sejarah dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Manakala kajian pengkaji pada syair-syair karya Muda Omar 'Ali Saifuddien yang lain ada sebahagiannya dalam bentuk buku cetakan asal. Syair-syair itu ialah Syair Nasihat dan Syair Asli Rajang Hari. Kedua-dua buku tersebut dipinjamkan kepada pengkaji oleh Pengiran Dato Paduka Haji Hidup bin Pengiran Hashim, ihsan daripada Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sendiri kepada Pengiran Dato. Dalam meninjau syair-syair Melayu Brunei sebagai latar belakang kajian didapati beberapa manuskrip asal keadaan fizikal manuskrip tersebut daif dan tidak memuaskan. Manuskrip-manuskrip tersebut seperti Syair Tanpa Judul (Arkib/BM/No.187/1983), Syair Rajang Ikan Penghibur Dendam Berahi Kepada Kita, Syair Tanpa Judul (Arkib/BM/No.

15. Ihsan dari pihak DBP. dan Pusat Sejarah, BSB., NBD.

178/1983), Ilmu Orang Tua-Tua dan Syair Nabi Allah Bercukur.

1.5 Bidang Kajian

Perkara yang menjadi tumpuan utama kajian ini ialah analisis intrinsik terhadap isi kandungan Syair Kenangan. Isi kandungan Syair Kenangan ditinjau dari sudut karya sastera yang berunsur Islam dengan berdasarkan pada pendekatan Estetika Dalaman (tersirat) dan Estetika Luaran (tersurat). Estetika Dalaman menumpukan penelitian terhadap tema dan pemikiran-pemikiran penyair dalam persoalan-persoalan etika atau moral (akhlak). Moral atau akhlak yang disarankan baginda bukan hanya mengenai hubungan antara manusia dengan Allah malah hubungan antara manusia dengan aktiviti-aktiviti kehidupan seluruhnya termasuk ke arah 'pembinaan bangsa' (nation building), Perdagangan (ekonomi), Kebudayaan dll. Sementara Estetika Luaran membicarakan struktur karya sastera seperti bentuk (form/visual) dan keindahan. Perlu dijelaskan bahawa kajian ini tidak menumpukan penerangan dan penghuraian bait demi bait, atau baris demi baris syair tersebut

tetapi secara pilihan ke atas bait-bait yang berkaitan dengan pendekatan sastera Islam. Pendek kata, bahawa bidang kajian ini cuma mengambil keseluruhan maksud pengarang sahaja.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ada tiga cara iaitu mentransliterasi daripada jawi ke rumi, kajian kepustakaan dan temubual dengan beberapa orang informan Brunei.

Dalam mengerjakan transliterasi tersebut, kata-kata yang ditulis dalam bentuk standard dikekalkan tetapi jika yang dicetak dalam dialek Brunei transliterasinya adalah dieja mengikut bunyi sebutan dialek Brunei.

Kajian kepustakaan lebih banyak ditumpukan kepada rujukan bahan-bahan teks manakala temubual dilakukan dengan menganalisis nama-nama gelaran pembesar NBD, cara berlagu syair-syair Melayu Brunei, alatan dan

perhiasan (dalam anotasi) serta kosa kata istilah-istilah dialek Melayu Brunei (dalam glosari).

Perpustakaan yang banyak membantu pengkaji ialah Perpustakaan Utama, Perpustakaan Jabatan Pengajian Melayu UM, Perpustakaan Majalah, di Universiti Malaya; Perpustakaan Tun Seri Lanang, di Universiti Kebangsaan Bangi; Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Akademik Pengajian Brunei, Perpustakaan dan Arkib Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan dan Arkib Muzium dan Perpustakaan Pusat Sejarah di Negara Brunei Darussalam.

Di bahagian perpustakaan ini data-data yang ditinjau ialah buku-buku, latihan ilmiah, kertas kerja, majalah dan suratkhabar.

Manakala di bahagian temubual pula adalah melibatkan informan-informan Brunei sahaja.

1.7 Organisasi Penulisan

Struktur kajian ini dibahagikan kepada enam bab:-

Bab pertama mengenai pendahuluan yang menghuraikan pengenalan, latar belakang masalah, objektif dan manfaat kajian, bahan kajian, bidang kajian, metodologi kajian, organisasi penulisan, kajian yang terdahulu, pendekatan dan ciri-ciri karya sastera yang bermutu.

Bab kedua menerangkan kedudukan syair-syair Melayu Brunei, aspek-aspek yang disentuh ialah definisi syair, koleksi syair-syair Melayu dan syair-syair Melayu Brunei, keterangan naskhah, klasifikasi syair-syair Melayu Brunei, ciri-ciri syair Melayu Brunei, peranan syair dan cara membaca atau cara berlagu syair-syair Melayu Brunei.

Bab ketiga membicarakan syair-syair karya Muda Omar Ali Saifuddien. Di dalam pembicaraan ini terkandung sejarah hidup atau biodata pengarang.

Pada bahagian luar bab, kajian menumpukan pada penerangan kaedah-kaedah transliterasi, transliterasi teks Syair Kenangan, *apparatus ciriticus*, glosari dan anotasi.

Semua penerangan bab-bab kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bukan secara kuantitatif. Kualitatif adalah satu kajian yang tidak menggunakan analisis data dan statistik. Kuantitatif adalah sebaliknya.

1.8 Kajian Yang Terdahulu

Walaupun syair-syair Melayu Brunei merupakan genre puisi yang cukup popular pada zaman lampau dan beberapa dekad yang lalu namun sejauh ini tidak banyak kajian yang bercorak ilmiah dilakukan di Negara Brunei Darussalam. Hanya setelah tertubuhnya Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1985, baharulah ada sebilangan mahasiswa yang mengkaji beberapa buah syair Melayu Brunei. Sebelum ini, penulisan dan pengkajian syair-syair Melayu Brunei dan karya-karya Muda Omar 'Ali Saifuddien ada juga diusahakan oleh orang perseorangan dan badan-badan tertentu seperti Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah, yang diterbitkan sama ada melalui kertas kerja seminar/simposium, majalah-majalah ataupun dalam suratkhabar-suratkhabar. Di sini pengkaji akan mencatatkan kajian-kajian ilmiah sahaja termasuk

buku-buku yang telah diterbitkan. Kajian yang terdahulu ini pengkaji bahagikan kepada dua kategori iaitu kajian-kajian terhadap syair-syair Melayu Brunei secara umum dan karya-karya Muda Omar 'Ali Saifuddien secara khusus.

1.8.1 Kajian Terhadap Syair-Syair Melayu Brunei

Terdapat dua bentuk penulisan syair-syair Melayu Brunei, iaitu:-

1.8.1.1 Buku

Mohd. Jamil al-Sufri, telah mengusahakan pembukuan Syair Rakis karangan Almarhum Pengiran Syahbandar Pengiran Md. Salleh Ibnu Pengiran Syarmayuda dan diterbitkan oleh Pusat Sejarah, Negara Brunei Darussalam.

1.8.1.2 Latihan Ilmiah

Syair-syair Melayu Brunei yang ditulis di dalam bentuk Latihan Ilmiah dan tesis telah diusahakan oleh:-

Hj. Zaman bin Hj. Awang Damit, Syair Sultan

Ahmad Tajuddin.¹⁶

Hj. Mahadi bin Hj. Metarshad, Syair Raja

Jumjuma.¹⁷

Awg. Mohd. Yusof bin Hj. Besar, Syair Awang

Semaun.¹⁸

Abdullah bin Idris @ Mat Deris, Syair Awang

Semaun.¹⁹

Ampuan Hj. Ibrahim, Syair Rajang.²⁰

16. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Kesusastraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD., NBD., Sesi 1989-90. Latihan Ilmiah ini berjudul 'Analisa Dan Kajian Teks Syair Sultan Ahmad Tajuddin'.

17. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Kesusastraan Melayu, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, UBD., NBD., Sesi 1989-90.

18. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Kesusastraan Melayu, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, UBD., NBD., Sesi 1990-91.

19. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Kesusastraan Melayu, UBD., NBD., Sesi 1991-92. Latihan Ilmiah ini berjudul 'Syair Awang semaun Merupakan Sebuah Historiografi Melayu Brunei Dalam Bentuk Puisi'.

20. Tesis Sarjana, SOAS, London University, 1992. Tesis beliau berjudul 'A Critical Study Of Syair Rajang Manuscript D'.

1.8.2 **Kajian Terhadap Karya-Karya
Muda Omar 'Ali Saifuddien**

Terdapat dua bentuk penulisan karya-karya Muda Omar 'Ali Saifuddien, iaitu:-

1.8.2.1 **Buku**

Mohd. Jamil al-Sufri, telah mengusahakan pembukuan Penyair Di Raja dan diterbitkan oleh Pusat Sejarah, NBD. pada 1987. Dalam buku ini, pengarangnya telah memberi beberapa contoh rangkap syair Muda Omar 'Ali Saifuddien sebagai penerangan atau pelengkap kepada persoalan-persoalan yang dibicarakan dalam kajian ini. Syair-syair tersebut ialah Rampaian Laila Syair (Syair Laila Cinta), Syair Laila Hasrat, Syair Laila Jenaka, Syair Asli Rajang Hari, Syair Perlembagaan Negeri Brunei dan Syair Nasihat.

1.8.2.2 Latihan Ilmiah

Karya-karya Muda Omar 'Ali Saifuddien yang ditulis di dalam bentuk Latihan Ilmiah telah diusahakan oleh:

Dayang Masni bte Jais, Syair Asli Rajang Hari.²¹
Hjh. Rayah bte Md. 'Ali, Syair Perlembagaan: Satu Kajian Dari Sudut Karya Seni.²²

Justeru itu, ternyata belum ada lagi kajian mengenai Syair Kenangan.

1.9 Pendekatan

Oleh kerana kajian ini melibatkan kerja-kerja mentransliterasi, mengedit dan menghayati nilai-nilai kesusasteraan yang terkandung di dalam Syair Kenangan, maka gabungan pendekatan telah diaplikasikan. Pendekatan filologi digunakan dalam proses pengeditan manakala pendekatan moral atau akhlak diaplikasikan bagi menganalisis kandungan teks. Pendekatan moral/akhlak digunakan adalah untuk menilai sejauhmana Syair Kenangan dapat berfungsi kepada masyarakat Brunei khususnya dan masyarakat dunia umumnya. Tegasnya tumpuan khusus kajian

21. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD., NBD., SESI 1990.

22. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD., NBD., Sesl 1991. Kajian ini adalah mengenai Syair Perlembagaan Negeri Brunei (judul asal).

ini adalah cuba mengaplikasikan pemikiran baginda dalam karya yang berunsur Islam atau "Sastera Islam".

Kata Kesusasteraan yang digunakan dalam bahasa Melayu yang dikenali sebagai "persuratan"²³ atau "perpustakaan" itu berasal daripada bahasa Sanskrit yang terdiri daripada kata "su" ertinya "indah", "baik", (lebih berfaedah atau berguna). Sastera ertinya huruf atau buku. Kesusasteraan pula bermaksud kumpulan buku-buku yang baik isinya dan indah bahasanya.²⁴

Dalam pengertian umumnya pula, kesusasteraan atau sastera adalah hasil penjelmaan fikiran kepada pengucapan (sastera lisan atau tradisi lisan) yang meliputi segala surat, risalah, kitab, hikayat, cerita, pantun, syair dan segala karangan yang pernah dicipta dan

23. Anas Haji Ahmad, Sastera Melayu Lama Dan Baru, (edisi baru), Masa Selangor: Enterprise, 1988, hal. 1.

24. Safian Hussein dll. (ed.), Glosari Istilah Kesusasteraan, KL: DBP., 1988, hal. 133.

dibukukan (literary tradition) yang menjadi kepunyaan sesuatu bangsa.²⁵

Manakala sastera(poetry) dalam bahasa Arab ialah adab.²⁶ Apabila memperkatakan adab, biasanya dikaitkan dengan adab sopan yang wujud dalam masyarakat Melayu.

Pengertian "Islam" pula menurut The Encyclopaedia Of Islam ialah "*The word means 'submission', 'total surrender (to God) and occurs eight time in the Qur'an, in such as The (true) religion with God.*"²⁷

Dari aspek bahasa pula Islam bererti "salam" iaitu sejahtera, tidak tercela, selamat, damai, harmoni,

25. Ibid., hal. 133.

26. Thomas Patrick Hughes, Dictionary Of Islam, New Delhi, India: Cosmo Publications, 1982, hal. 10.

27. E. Van Donzel, B. Lewis and CH. Pellat(ed.), The Encyclopaedia Of Islam, Vol. IV, Leiden: E. J. Brill, 1978, hal. 171 -177.

patuh dan berserah diri.²⁸ Manakala pengertiannya yang lain adalah "patuh" (taat) dan berserah diri kepada Allah secara menyeluruh.²⁹ Mengenai pengertian ini, Allah telah berfirman dalam surah al-Nisa':-

Mafhumnya,

"Dan siapakah yang lebih baik agamanya daripada orang yang "menyerahkan" dirinya kepada Allah dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan (ihsan) dan mengikuti agama nabi Allah Ibrahim yang lurus."

(al-Nisa' (4): 125)³⁰

Oleh hal yang demikian Sastera Islam itu dapat dilihat dari dua golongan perkataan 'sastera' dan 'Islam'. 'Sastera' yang bererti tulisan-tulisan yang mengandungi ciri-ciri 'kebaikan', 'kebenaran' dan 'keindahan',

28. Sidi Gazalba, Masyarakat Islam, Pengantar Sosiologi Dan Sosiografi, Jakarta: Bulan Bintang, 1976, hal. 95.

29. Ibid., hal. 95.

30. Tafsir, Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an 30 juz, diterjemah serta diberi penjelasan oleh Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh, bhg. Hal Ehwal Islam, cetakan ke-11, KL: Jabatan Perdana Menteri, 1994, hal.180.

sementara 'Islam' pula bermaksud 'tunduk', 'patuh' dan 'menyerah diri kepada Allah'.

Dalam kajian ini, unsur-unsur Islam yang menonjol merangkumi tiga asas pokok iaitu :-

- i. Insan kamil atau teori manusia sempurna.
- ii. Amar makruf nahi mungkar (amalan kebaikan dan melarang kejahatan).
- iii. Hablum minallah dan hablum minan nas (hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia).³¹

31. Nurazmi Kuntum, Teori Dan Pemikiran Sastera Islam Di Malaysia, KL: DBP., 1991, hal. 216.

Bagi pengkaji ejaan di bahagian iii itu ialah hablun mina 'Llah(i), hablun mina'l-nās(i)

Teori manusia sempurna yang meliputi ketiga-tiga aspek di atas disebut juga sebagai 'takmilah' yang bererti 'sempurna' atau 'menyempurnakan'.³²

Dalam kajian ini 'kesempurnaan' atau 'takmilah' dapat dilihat dari sudut Estetika Dalaman(tema) yang menonjolkan kepada persoalan akhlak (moral). Manakala 'kesempurnaan' Estetika Luaran pula menumpukan pada aspek-struktur karya sastera iaitu tentang keindahan bentuk-bentuknya seperti dalam pemilihan kata, keindahan perulangan dll.

Mengapa pendekatan Islam ini diberi penekanan dan tidak kepada pendekatan-pendekatan Barat yang lain seperti yang sudah banyak diaplikasikan oleh pengkaji-pengkaji baik di Malaysia mahupun di Negara Brunei Darussalam seperti pendekatan strukturalisme, semiotik, resepsi, dekontruksi dll. Ini adalah disebabkan selain

32. Shafie Abu Bakar, "Tek Hadiqat al-Azhar Wa al-Rayahin Sebagai Model Bagi Teori Sastera Islam", kertas kerja Seminar Antarabangsa Kesusteraan Melayu 111, Bangi, Selangor: UKM., 5 - 8 September, 1993, hal. 6.

dari pada teks Syair Kenangan dan lain-lain syair baginda mengandungi ciri-ciri sastera Islam, ia juga disebabkan oleh beberapa pendekatan yang biasa diaplikasikan khususnya pendekatan barat seperti yang disebutkan di atas itu tidak 'mentakmilah' pada semua sudut pengapresiasian. Tegasnya pendekatan-pendekatan tersebut hanya menyentuh sebahagian dari pada prinsip-prinsip yang dominan dalam sesuatu hasil karya. Misalnya pendekatan strukturalisme yang berdasarkan kepada *frame work* sebuah hasil karya³³ telah meninggalkan aspek-aspek yang lain seperti makna, pengarang, tidak bersifat sejarah (*a-historisch*) dan tidak (akan) berubah dalam perjalanan masa.³⁴ Pendekatan resepsi pula lebih mementingkan khayal dan mengabaikan aspek-aspek yang lain.³⁵ Tegasnya pendekatan-pendekatan Barat di atas memperlihatkan pengabaian terhadap pengarang, penolakan terhadap maksud yang mahu disampaikan oleh pengarang dan penafian terhadap sejarah lingkungan budaya yang dihayati pengarang yang diterapkan ke dalam

33. Shafie Abu Bakar, ibid., hal. 5.

34. Umar Junus, Karya Sebagai Sumber Makna: Pengantar Strukturalisme, KL: DBP., 1988, hal. 7.

35. Terry Eagleton, Teori Kesusastraan: suatu pengenalan, KL: DBP., 1988, hal. 82-99.

karya sambil memaksakan nilai-nilai luar dan asing ke atasnya. Justeru itu, pendekatan Barat di atas tidak ada yang mementingkan nilai-nilai baik dan buruk, makruf dan mungkar yang lebih dekat untuk diaplikasikan dengan nilai-nilai Islam.³⁶ Sebaliknya, metodologi atau cara mengaplikasikan pendekatan Islam dapat 'mentakmilah' semua aspek. Misalnya:-

Pertama, dengan melalui pendekatan Islam pengkaji dapat membicarakan aspek latar belakang pengarang seperti riwayat hidup, sosialisasi, pendidikan, nilai hidup, aktiviti tujuan atau niat pengarang berkarya.

Kedua, pengkaji dapat menganalisis aspek-aspek isi karya iaitu ditinjau dari sudut tema, persoalan-persoalan, pemikiran, ideologi, falsafah dan sebagainya. Di sini huraihan ditumpukan dari sudut manakah isu keislamannya tertonjol?. Apakah hal-hal kemasyarakatan, syariah, ibadat atau moral dsb.

36. Shafie Abu Bakar, kertas kerja berjudul "Takmilah: Teori sastera Islam", Nadwah Kesusastraan Islam, KL: DBP., 1 - 3 Disember, 1993, hal. 5.

Ketiga, pengkaji dapat membicarakan aspek teknik penulisan termasuk unsur-unsur estetika (keindahan) pada bentuk-bentuk karya seperti bahasa dsb.

Keempat, dengan melalui pendekatan ini pengkaji dapat memenuhi soal penilaian atas cogan kata bahawa sastera Islam tidak lahir untuk kekosongan atau keseronokan semata-mata tetapi akan melihat sejauh mana kesan karya tersebut kepada audien? Apakah hasil karya mengajak manusia berbuat baik atau milarang berbuat jahat, dan apakah unsur-unsur kebaikan mengatasi kejahatan dsb.³⁷

1.9.1 Konsep Sastera Islam

Ada beberapa pendapat tentang konsep sastera Islam demi mentakmilahkan insan. Di antaranya ialah pendapat Yusof Zaky Yaacob yang mengatakan bahawa

37. Mana Sikana, Kritikan Sastera Pendekatan dan Kaedah, KL: Fajar Bakti, 1986, hal. 294-298.

sastera Islam adalah sastera yang mengandungi unsur dakwah.³⁸

Shahnon Ahmad pula berpendapat sastera Islam adalah sebagai sastera kerana Allah, berhikmah untuk manusia sejagat.³⁹

Muhammad Uthman El-Muhammady mengemukakan pendapatnya bahawa sastera Islam sebagai seni suci.⁴⁰

Mohd. Kamal Hassan mengatakan bahawa sastera Islam adalah sastera yang dilahirkan oleh penulis yang komited dengan pandangan hidup Islam dan sistem nilainya.⁴¹

38. Utusan Zaman, 18 Ogos, 1974.

39. Shahnon Ahmad, "Sastera Islam", Dewan Bahasa, jilid 21, bil. 7, KL: DBP., Julai 1977, hal. 427.

40. Muhammad Uthman El-Muhammady, "Kearah Melahirkan Tradisi Persajakan Islam", Memahami Islam, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1977, hal. 203.

41. Mohd. Kamal Hassan, Foram Sastera Islam, Dewan Sastera, KL: DBP., Ogos 1977, hal. 3.

Ismail Ibrahim berpendapat bahawa sastera Islam ialah hasil tulisan yang berasaskan tauhid.⁴²

Muhammad Qutb memaparkan dalam bukunya Manhaj ul - Fann 'l-Islamillyy bahawa seni sastera Islam ialah seni yang menggambarkan tentang segala kewujudan menurut juruspandang keislaman.⁴³

Manakala Shafie Abu Bakar mengutarakan bahawa hasil sastera Islam harus dilihat dari peringkat falsafah dan hakikatnya, perspektif dan kedudukan, sumber dan dasarnya, matlamat dan tujuannya, kesan dan akibatnya.⁴⁴

1.9.2 Ciri-ciri Sastera Islam

Sesebuah karya Islam seharusnya mengandungi ciri atau ciri-ciri berikut:-

42. Ismail Ibrahim, op. cit., hal. 5

43. Shafie Abu Bakar, "Sastera Melayu Dan Islam", Kesusasteraan Melayu Dan Islam, Suatu Pertembungan Pemikiran, KL: Sarjana Enterprise, 1980, hal. 45.

44. Shafie Abu Bakar, "Takmilah: Teori Sastera Islam", hal. 7.

1. Sesuatu karya itu mengambil kira dasar kebenaran Islam dengan berlunaskan prinsip yang ditetapkan oleh al-Quran dan Hadith atau berada di dalam ruang lingkup falsafah tauhid.
2. Karya sastera Islam mengandungi amanat untuk menegakkan kebaikan dan mencegah kejahatan(maksiat) .
3. Karya sastera Islam juga dikategorikan sebagai karya yang bercorak didaktik, yang berfungsi menyampaikan pengajaran positif yang berteraskan ajaran Islam. Sebaliknya, karya sastera Islam tidak dikaitkan dengan ideologi tertentu yang bertentangan dengan Islam, misalnya ideologi Marxisme.
4. Karya sastera Islam juga terangkum dalam bentuk karya yang dicipta bagi menggambarkan keindahan alam semesta yang dicipta oleh Allah. Gambaran tersebut dilakukan sama ada dengan menggunakan simbol atau imej yang boleh melahirkan rasa cinta dan menanam bibit keimanan yang teguh kepada Allah.

5. Karya sastera Islam dicipta bertujuan menimbulkan kesan yang baik atau merangsang ke arah melaksanakan kebajikan, menegakkan nilai-nilai yang mulia, mengutamakan ketinggian budi pekerti seperti pembelaan terhadap yang tertindas dan seterusnya menimbulkan kecintaan kepada Allah sebagai pencipta.⁴⁵
6. Seseorang penulis karya sastera Islam dapat memancarkan sifat mukalaf, iaitu sikap bertanggungjawab atas semua tugas dan membina semangat untuk berbakti terhadap agama, bangsa dan tanah air.⁴⁶
7. Sebaik-baiknya tema di persekitaran isi atau mauduk sesebuah karya Islam menyangkut soal-soal berikut:-

45. Ciri-ciri di atas dipetik daripada pendapat Ismail Hamid dalam rencana, "Konsep, Teori dan Prinsip Sastera Islam", Dewan Sastera, KL: DBP., Ogos 1993, hal. 6 dan sedikit petikan daripada Shafie Abu Bakar, op. cit., hal. 6.

46. S. Othman Kelantan, Arah Pemikiran Sastera Malaysia, Bangi: UKM., 1987, hal. 76.

- i. Menumbuhkan dan menguatkan akidah dan keimanan termasuk membuang dan membersihkan diri dari syirik dan khurafat.
- ii. Persoalan yang berhubung dengan ibadat tentunya dalam pengertian yang amat luas dan lengkap.
- iii. Penyair Islam diminta menggarap hal-hal akhlak dan pembinaan tamadun hidup.
- iv. Mengenai perundangan.⁴⁷

Justeru itu apakah syair-syair baginda terutama Syair Kenangan mengandungi ciri atau ciri-ciri Sastera Islam seperti yang tersebut di atas? Jawapan soalan ini terkandung di dalam bab IV dan V.

47. Mana Sikana, "Tiga Penyair Nusantara: Yahya M.S., Noor Hidayat dan Marhan", Kesenian Islam, (diselenggarakan oleh Ahmad Kamal Abdullah), KL: DBP., 1990, hal. 53.

Sumber sastera Islam ada dua iaitu :-

1. Karya-karya yang ditimbulkan atau ditulis daripada kisah-kisah yang terserlah dalam al-Quran dan al-Hadith, baik daripada yang asal ataupun daripada ulasan para ulama Islam dari pelbagai jenis buku atau risalah atau syarahan.
2. Karya-karya yang dicipta hasil interpretasi daripada pengajaran al-Quran' dan al-Hadith, iaitu sandaran yang jelas bagi pendidikan moral, gambaran kecintaan terhadap sesama makhluk, ingin berbakti, bermasyarakat, gotong-royong, merasa kasih kepada orang lain seperti mengasihinya dirinya sendiri dan sebagainya yang memperlihatkan kemanusiaan insan, yang menjelaskan kesufian fitrah dan ketulenan nau' manusia.⁴⁸

48. S. Othman Kelantan, Arah Pemikiran Sastera Malaysia, Bangi: UKM., 1987, hal. 68.

Para pemuisi seperti Rumi, Iqbal, Khusrau, Ghalib dan Hamzah Fansuri adalah gambaran dari pengajaran kedua, iaitu interpretasi dari seluruh al-Quran dan al-Hadith.⁴⁹ Dengan kata lain, mereka telah membuat interpretasi sendiri untuk memancarkan konsep Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh hal yang demikian, bagaimanakah Muda Omar 'Ali Saifuddien menghasilkan karya-karya baginda terutama dalam Syair Kenangan?

1.9.4 **Estetika**

Estetika berasal dari perkataan Greek "aisthetikos" yang bererti sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan. Estetika pernah didefinisikan sebagai ilmu tentang keindahan dalam seni dan alam semesta, berhubung dengan watak, keadaan dan persesuaian dengan hukum. Istilah ini digunakan kerana ia mengkaji konsep keindahan sebagai satu ilmu. Ia amat erat hubungannya dengan satu cabang falsafah yang berkait dengan keindahan dan kecantikan, terutama melalui penilaian citarasa

49. Ibid., hal.70

terhadap sesebuah karya seni. Pokok persoalannya ialah huraian dan penerangan tentang suatu hasil seni, fenomena artistik dan pengalaman estetika yang merangkumi unsur-unsur psikologi, sosiologi, etnologi dan sejarah serta aspek-aspek lain yang berhubungan dengan karya seni itu sendiri.⁵⁰

Apabila melihat pengertian estetika dalam Islam sebagai ad-din, biasanya bertolak dari dasar dua hadith Rasullullah S.A.W. yang bermaksud:-

"Sesungguhnya Allah S.W.T. itu Maha Indah.
Dia suka pada keindahan."

"Sesungguhnya Allah S.W.T. itu Maha Baik.
Dia suka kepada kebaikan."⁵¹

Hamka mengatakan bahawa seni yang sampai kepada puncaknya ialah gabungan di antara rasa keindahan (jamal)

50. Safian Hussein dll. (ed.), op. cit., hal. 82.

51. Mohd. Kamal Hassan, "Konsep Keindahan Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Seni dan Sastera: Suatu Pandangan Umum", dalam Farid M. Onn(ed.), Stilistik Simposium Keindahan Bahasa, KL: DBP., 1982, hal. 3. Lihat juga Shahnon Ahmad, Kesusasteraan Dan Etika Islam, KL: Fajar Bakti, 1981, hal. 22.

dan rasa kesempurnaan (kamal) dan rasa kemuliaan (jalal).⁵²

Muhammad Qutb dalam bukunya Manhaj ul-Fann 'l-Islamiyy, mengatakan seni sastera Islam ialah seni yang melamarkan pertemuan yang menyempurnakan di antara "keindahan" dan "kebenaran". Keindahan adalah hakikat alam tercipta manakala kebenaran adalah puncak dari keindahan.⁵³

Mana Sikana juga mengatakan bahawa estetika ialah hal-hal yang membawa tentang kesenian dan keindahan.⁵⁴

Justeru itu estetika dari sudut dan pandangan Islam perlu mempunyai nilai - nilai "baik" dan "indah". "Baik" dan "indah" dalam konteks karya sastera biasanya dikaitkan dengan istilah "isi" dan "bentuk". Isinya

52. Hamka, Pandangan Hidup Muslim, Jakarta: Bulan Bintang, 1961, hal.125.

53. Shafie Abu Bakar, "Sastera Melayu Dan Islam", op. cit., hal. 45.

54. Mana Sikana, Khazanah Islam: Falsafah Dan Kesusasteraan, Selangor: Karyawan, 1986, hal. 23.

haruslah baik dan bermanfaat, bentuk pula perlu indah dan cantik. Pembicaraan tentang isi dalam sastera Islam perlu dikaji bukan saja pada yang tersurat, bahkan kepada yang tersirat, kerana kedua-duanya akan mendukung maksud dan harapan yang dihasratkan.

1.9.5 Ciri-ciri Estetika

Menurut Imam Ghazali bahawa estetika (keindahan) itu ada dua iaitu aspek Luaran dan aspek Dalaman. Aspek luaran adalah sesuatu yang tersurat yang dapat dikesan oleh panca indera seperti bentuk, syarat dan petunjuk. Tetapi aspek Dalaman adalah sesuatu yang tersirat, yang tidak dapat dinyatakan dan tidak dapat dirasakan tetapi dapat dicerap oleh akal. Maka keindahan Dalaman itu memberi landasan kepada keindahan didaktik. Perbezaan dua jenis Estetika tersebut dapat dilihat melalui tulisan Imam Ghazali dan al-Faruqi seperti di bawah ini:

"Ketahui olehmu bahawa orang yang terkongkong oleh imajinasi dan pancaindera barangkali menganggap keindahan dan kemanisan ialah tidak lain dari harmoni rupa dan kebagusan warna... Memang, keindahan sering disangka manusia sebagai sesuatu yang menarik pandangan dan paling

sering manusia melihat kecantikan manusia(lain). Oleh itu dia mungkin berfikir: mustahillah membayangkan keindahan sesuatu yang tidak dilihat mata, yang tidak terjangkau imajinasi, yang tidak mempunyai rupa dan warna... Ini jelas satu kesesatan. Keindahan tidak terbatas dalam rangka benda-benda yang dapat dilihat dan tidak pula merupakan sekadar keselarasan bentuk dan rupa yang penuh harmoni ataupun kesepadanan putih kulit dan merah pipi ... Ketahui olehmu bahawa sesuatu yang tidak dirasakan oleh pancaindera boleh juga dikira indah dan baik... Ketika orang berbicara tentang akhlak mulia maksudnya adalah pengetahuan, kecerdikan, budi bahasa, keberanian, iman kukuh, kemurahan hati dan lain-lain sifat baik. Banyak daripada sifat-sifat tersebut dihayati bukannya dengan pancaindera, tetapi dengan sinar akal... meskipun sebuah imej maujud ataupun mujarad imej itu sama dihiasi keindahan dan daya memikat hati, tetapi imej yang dapat dilihat (maujud) terdedah kepada penglihatan, manakala imej dalaman (mujarad) dicerap dengan akal. Yang tidak memiliki akal itu tidak sedar akan imej mujarad, tidak senang kerananya, tidak mencintainya dan tidak pula cenderung kepadanya, sedangkan yang memiliki akal yang lebih kuat daripada pancaindera lebih mencintai mujarad daripada maujud. Alangkah besar bezanya antara orang yang kagum kepada ukiran di dinding kerana keindahan rupa luarannya dan orang yang kagum kepada seorang nabi kerana keindahan rohaninya.⁵⁵

55. Al-Ghazali, Ihya Ulum al-Din(terjemahan Rusia). Moskow, 1987 dalam V.I.Braginsky, "Erti Keindahan Dalam Kesusasteraan Melayu", Dewan Sastera, KL: DBP., Nov. 1991, hal. 72.

Al-Faruqi pula menegaskan:

"Dari satu segi, isi kandungan adalah kaku dalam keadaan yang tersendiri. Nilai atau keagungannya tersebunyi, tetapi 'bentuk' iaitu penyusunan kata yang baik akan menyerlahkan keindahannya sehingga dapat dihayati. Tanpa bentuk yang baik, yakni apabila dilahirkan dengan gaya ungkapan yang tidak menarik, isi kandungan akan kehilangan daya tarikannya. Gambaran sesuatu keindahan itu bukanlah satu keindahan sehinggalah ia dikecapi. Walaupun nilai idea-idea yang baik tidak pernah berkurang sampai ke tahap kosong, tetapi 'bentuk' boleh mengurangkan nilainya dengan menjadikannya 'mati', tidak dihargai dan 'tawar' apabila dipersembahkan pada situasi yang tidak kena." Apabila dilengkapkan dengan 'bentuk' yang sebaik-baiknya, isi kandungan menggunakan kekuatannya untuk mendorong, menginspirasi dan menggiatkan daya tanggapan seseorang. Mutu dan keindahannya akan memancarkan kegemilangan yang sejati dan tulen. Sesungguhnya 'bentuk' yang indah bertindak secara misteri terhadap isi kandungannya dengan cara menampilkkan satu daya tarikan. Apabila pada masa yang sama, isi kandungan saling bertindak terhadap bentuk berjaya menampilkkan daya tarikannya sendiri, maka keindahan isi kandungan akan melebihi keindahan bentuknya."⁵⁶

56. Ismail al-Faruqi, "Tauhid Dan Seni Persuratan", dalam Ahmad Kamal Abdullah(ed.), Kesenian Islam, KL: DBP., 1990, hal. 15.

Ciri Keindahan Dalaman dan Keindahan Luaran juga dipaparkan oleh Abd. al-Karim al-Jili serta pengikut-pengikut aliran Sufi Wahdat al-Wujud yang memandang Keindahan Dalaman sebagai keindahan Ilahi-Jamal, dan Keindahan Luaran sebagai keindahan alam fizikal-husn.⁵⁷

Ibrahim Titus Buckhardt pula mengutarakan bahawa intipati kesenian ialah keindahan, dan keindahan daripada sifat aslinya sendiri adalah realiti dalaman dan realiti luaran.⁵⁸

Manakala Keris Mas pula berpendapat bahawa estetik atau 'keindahan' tidak lagi ditandai oleh pengucapan gaya bahasa saja tetapi juga oleh unsur-unsur isi dan segala yang berhubungan dengan yang mengelilingi serta ikut melahirkan karya sastera itu, baik ia berupa

57. V. I. Braginsky, op. cit., hal. 72.

58. Ibrahim Titus Buckhardt, "Peranan Seni Halus Dalam Pendidikan Muslim", dalam S. H. Nasr, Falsafah Kesusastraan Dan Seni Halus, Terjemahan Baharuddin Ahmad, KL: DBP., 1989, hal.79-80.

realiti kehidupan masyarakat mahupun realiti kehidupan kemanusiaan sendiri dengan pemikiran dan perasaannya.⁵⁹

Konsep kedua-dua keindahan tersebut bagi pengarang-pengarang Melayu pula sering dikaitkan dengan Keindahan Dalaman dengan kata "elok" dan Keindahan Luaran sebagai "indah".⁶⁰

1.9.6 **E s t e t i k a D a l a m a n**

Telah dikatakan tadi bahawa Estetika Dalaman adalah sesuatu yang tersirat di sebalik persoalan-persoalan yang tersurat dalam sesbuah hasil karya seseorang pengarang. Estetika Dalaman Syair Kenangan karya Muda Omar 'Ali Saifuddien adalah dilihat dalam aspek-aspek tema (yang tersirat) yang dipaparkan melalui persoalan-persoalan yang berunsurkan didaktik yang melibatkan pertimbangan dari segi nilai-nilai etika, moral atau

59. Keris Mas, Perbincangan Gaya Bahasa Sastera, KL: DBP., 1988, hal. 6.

60. V.I.Braginsky, "Erti Keindahan Dalam Kesusasteraan Melayu Antara "Indah" dan "Elok", Dewan Sastera, KL: DBP., Jan. 1992, hal. 68.

akhlak. Aspek-aspek moral atau akhlak inilah yang dikatakan sebagai 'mentakmilah' insan terutama bagi bakal-bakal pemimpin dan pentadbir seperti yang dihasratkan oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien demi rasa kesedaran untuk 'mentakmilahkannya' pula kepada bangsa dan Negara Brunei Darussalam. Persoalan akhlak (Akhlak Diri) yang ditonjolkan adalah mencakupi hal-hal muamalat dan aktiviti-aktiviti kehidupan yang ada hubungkaitnya antara manusia dengan pembinaan bangsa (nation building), Perdagangan (ekonomi), dan Kebudayaan.

1.9.7 Estetika Luaran

Estetika Luaran lebih tertumpu pada bentuk bahasa atau corak penulisan. Bentuk bahasa dapat dilihat pada bentuk visual seperti terdapatnya bentuk gaya pantun, penggunaan kata-kata, diksi, pemakaian lambang-lambang, perulangan, nada dan rasa pengarang dll.

Dengan hal yang demikian, berdasarkan pada konsep sastera Islam dan pendekatan Estetika, apakah Syair Kenangan ini dapat dikategorikan sebagai sebuah karya

sastera yang baik dan bermutu atau tidak. Untuk itu, perlu diketahui dahulu ciri-ciri sebuah karya sastera yang baik dan bermutu.

1.9.8 Ciri-ciri Karya Sastera yang Baik

Pada umumnya sebuah karya sastera yang baik dan bermutu adalah :-

1. Sebuah usaha merakamkan isi, jiwa sasterawannya melalui alat bahasa.
2. Sebagai alat komunikasi yang dapat difahami oleh pembaca dan orang lain.
3. Sebuah keteraturan iaitu harus memenuhi bentuk seni.
4. Sebagai alat penghiburan.
5. Sebagai sebuah integrasi iaitu kesatuan unsur-unsurnya iaitu keserasian antara isi, bentuk, bahasa dan ekspresi peribadi sasterawannya.
6. Penemuan yang mempunyai kelainan dari yang lain atau ada kelainan di antara beberapa unsur.
7. Ekspresi idea dan mencerminkan isi keperibadian penciptanya sendiri. Peribadi sasterawan yang dalam

pemikirannya, luas pandangannya, pekat perasaannya, suci dan tulus hatinya, akan tercermin dalam karya-karya sasteranya.

8. Sebuah karya yang pekat mengenai kehidupan.
9. Penafsiran kehidupan.
10. Sebuah pembaharuan.⁶¹

Selain dari aspek-aspek di atas menurut Shahnon Ahmad, sastera yang tinggi mutunya ialah 'Kesusasteraan hak adalah kesusasteraan yang berakhlak yang telah ditetapkan oleh Khaliq'.⁶²

Oleh hal yang demikian, apakah ciri atau ciri-ciri tersebut terdapat pada Syair Kenangan? Persoalan ini akan terjawab apabila menatap bab IV, dan V.

61. Jacob Sumardjo & Saini K.M., Apresiasi Kesusasteraan, Jakarta: PT Gramedia, 1986, hal. 5-8.

62. Shahnon Ahmad, Kesusasteraan Dan Etika Islam, KL: Fajar Bakti, 1981, hal. 11.